

No. Sebut Harga : **MPK/SH/LPSK-01/2024 (IKLAN SEMULA)**
MPK/SH/LPSK-02/2024 (IKLAN SEMULA)

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
 PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

Kementerian atau Jabatan :
MAJLIS PERBANDARAN KLUANG
Wisma Majlis Perbandaran Kluang
Jalan Kota Tinggi, 86000 Kluang, Johor

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut :

Bil.	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	Motosikal Nimota – JPF 9951 (MPK/SH/LPSK-01/2024)	1	RM 900.00
2.	Motosikal Nimota – JPF 9952 (MPK/SH/LPSK-02/2024)	1	RM 900.00

2. Aset boleh dilihat pada **01 Julai 2024** hingga **14 Julai 2024** di antara jam **9.00 pagi** hingga **4.00 petang** di **Pejabat Majlis Perbandaran Kluang (Bahagian Penguatkuasaan) Jalan Pejabat Kerajaan 86000 Kluang Johor.**

3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-25) yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **MPK/SH/LPSK-01/2024, MPK/SH/LPSK-02/2024** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat :-

WISMA MAJLIS PERBANDARAN KLUANG
JALAN KOTA TINGGI, 86000 KLUANG, JOHOR
 (u.p. Unit Pengurusan Aset, Jabatan Kewangan)

5. Tarikh tutup sebut harga pada **15 Julai 2024 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.


 (HAJAH AZURAWATI BINTI WAHID)
 Yang Dipertua
 Majlis Perbandaran Kluang

Alamat : **Majlis Perbandaran Kluang**
Wisma Majlis Perbandaran Kluang
Jalan Kota Tinggi, 86000 Kluang, Johor

Tarikh : **01 Julai 2024**

Cop :



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk wang pos atau draf bank sahaja atas nama **MAJLIS PERBANDARAN KLUANG**.
3. Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua Aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-is basis).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti menanggal (dismantle), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
9. Pembeli yang berjaya adalah dikehendaki menguruskan sendiri segala pembayaran dan urusan yang melibatkan Jabatan Kastam, Jabatan Pengangkutan Jalan, kos Puspakom atau mana-mana jabatan yang berkaitan sekiranya ada.
10. Pembeli yang berjaya hendaklah memadam apa jua bentuk catatan tanda berkaitan **MAJLIS PERBANDARAN KLUANG** pada aset tersebut sekiranya masih ada.